

SINTAKSIS


PROSES PENERBITAN AYAT

1. KONSEP AYAT TERBITAN

- Ayat terbitan asalnya ialah ayat dasar, iaitu ayat peringkat dalaman yang mengalami perubahan tertentu yang menyebabkan bentuk dasarnya bertukar kepada bentuk baharu.
- Ayat yang berubah itu merupakan ayat peringkat struktur permukaan (luaran).
- Terdapat ayat terbitan yang mengalami lebih daripada satu proses penerbitan ayat.

2. PROSES PENERBITAN AYAT


- Proses penerbitan ayat ialah proses gramatis yang melibatkan pelaksanaan rumus transformasi yang fungsinya mengubah aturan atau struktur sesuatu unsur dalam ayat.¹
- Perubahan berlaku melalui peluasan (pertambahan) dan pengurangan unsur tertentu pada frasa dan klausa, serta pertukaran susunan dan struktur ayat.
- Analisis ayat lazimnya dibuat mengikut Teori Tatabahasa Generatif yang mengkaji ayat dengan berdasarkan dua peringkat, iaitu peringkat struktur dalaman dan peringkat struktur luaran.
- Proses penerbitan ayat dalam bahasa Melayu terbahagi kepada tiga cara.



2.1 Proses Pengguguran

- Proses pengguguran merupakan proses yang berlaku pada struktur ayat yang menyebabkan tidak diucapkan unsur tertentu dalam binaan ayat itu.
- Meskipun berlaku pengguguran, ayat tersebut masih menepati peraturan tatabahasa dan difahami dengan tepat oleh pengguna bahasa.
- Dalam bahasa Melayu, proses pengguguran mempunyai tiga jenis.

¹ Nik Safiah Karim, et al. 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 538.



2.1.1 Pengguguran frasa nama subjek

- Dalam konteks ini, pengguguran melibatkan kata nama yang berfungsi sebagai subjek ayat.
- (a) Pengguguran kata ganti nama diri kedua sebagai subjek
 - Pengguguran ini terjadi dalam ayat perintah.

Ayat asal
Awak siapkan sekarang juga!
Kamu bawa beg ini ke padang.
Saudara masukkan rambutan itu ke dalam raga.



Pengguguran kata ganti nama diri kedua
Siapkan sekarang juga!
Bawa beg ini ke padang.
Masukkan rambutan itu ke dalam raga.

- (b) Pengguguran kata nama inti bagi frasa nama subjek
 - Pengguguran inti frasa nama menyebabkan yang tinggal hanya penerangnya, iaitu sama ada kata kerja atau kata adjektif mengambil fungsi sebagai subjek.

Ayat asal
Kecenderungan berbalah sama sendiri perlu dihentikan.
Kegiatan menyorok barang keperluan sangat tidak beretika.
Orang curang tidak disukai pasangan.



Pengguguran kata nama inti bagi frasa nama subjek
Berbalah sama sendiri perlu dihentikan.
Menyorok barang keperluan sangat tidak beretika.
Curang tidak disukai pasangan.

- (c) Pengguguran subjek yang serupa dalam ayat majmuk
 - Subjek yang serupa dalam klausa kedua ayat majmuk tidak dilafazkan.

Ayat asal
Kami berjumpa dan kami bersalaman.
Adik menangis lalu adik berguling-guling.
Mereka mahu makan tetapi mereka malas menyediakannya.



Pengguguran subjek yang serupa dalam ayat majmuk
Kami berjumpa dan bersalaman.
Adik menangis lalu berguling-guling.
Mereka mahu makan tetapi malas menyediakannya.

2.1.2 Pengguguran frasa predikat

- Dalam konteks ini, yang digugurkan ialah bahagian-bahagian dalam binaan predikat ayat

(a) Pengguguran seluruh frasa predikat

- Seluruh frasa predikat yang digugurkan sama ada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, atau frasa sendi nama yang serupa.
- Yang digugurkan ialah frasa predikat dalam klausa yang pertama.

Ayat asal
Kereta ini hak milik dia dan bas di sana hak milik dia .
Tan mahu pulang atau Johnny mahu pulang ?
Haris amat baik dan anaknya amat baik .
Ibunya ke bandar dan bapanya ke bandar .



Pengguguran seluruh frasa predikat
Kereta ini dan bas di sana hak milik dia.
Tan atau Johnny mahu pulang?
Haris dan anaknya amat baik.
Ibunya dan bapanya ke bandar.

(b) Pengguguran bahagian-bahagian frasa predikat

- (i) Pengguguran **oleh + frasa nama** dalam ayat pasif

Ayat asal
Badar sedang dimarahi oleh emaknya .
Mangsa itu dibantu oleh orang kaya .
Banyak pelabur tertipu oleh syarikat itu .



Pengguguran oleh + frasa nama dalam ayat pasif
Badar sedang dimarahi.
Mangsa dibantu.
Banyak pelabur tertipu.

- (ii) Pengguguran kata bantu yang serupa: (Kata bantu pada klausa kedua digugurkan)

Ayat asal
Ibu akan tiba dan akan bertemu kita.
Kamu patut cantik dan patut dipilih.
Calon perlu bersabar dan perlu bertenang.



Pengguguran kata bantu yang serupa
Ibu akan tiba dan bertemu kita.
Kamu patut cantik dan dipilih.
Calon perlu bersabar dan bertenang.

- (iii) Pengguguran frasa nama sebagai objek yang serupa: (Objek dalam klausa pertama digugurkan)

Ayat asal
Saya menarik kerusi dan mengangkat kerusi .
Dia membantu kami tetapi mereka tidak membantu kami .
Che Jah memetik duku dan makan duku .



Pengguguran frasa nama objek yang serupa
Saya menarik dan mengangkat kerusi.
Dia membantu tetapi mereka tidak membantu kami.
Che Jah memetik dan makan duku.

- (iv) Pengguguran frasa nama objek selepas kata kerja yang bermaksud adjektif: (Kata nama selepas kata kerja yang menunjukkan perasaan digugurkan)

Ayat asal
Hal itu sangat memalukan kami .
Keputusannya membahagiakan ibu bapanya .
Tempat itu menyeramkan pengunjung .



Pengguguran frasa nama objek selepas kata kerja
Hal itu sangat memalukan.
Keputusannya membahagiakan.
Tempat itu menyeramkan.

2.1.3 Pengguguran frasa nama yang mendahului klausa/frasa adjektif

- Yang digugurkan ialah frasa nama yang serupa yang mendahului klausa relatif.
- Frasa nama yang menjadi objek dan mendahului frasa relatif juga boleh digugurkan.


Ayat asal
Barang yang terjatuh itu kepunyaan Tini.
Orang yang ingin ditemuinya sudah tiada lagi.
Kita harus membantu pihak yang memerlukan pertolongan.



Pengguguran frasa nama yang mendahului klausa/frasa relatif
Yang lalu tadi akan berhenti di bandar Pasir Mas.
Yang ingin ditemuinya sudah tiada lagi.
Kita harus membantu yang memerlukan pertolongan.

2.2 Proses Penyusunan Semula

- Secara mudahnya, proses penyusunan semula ialah proses mengubah kedudukan dan struktur asal kepada kedudukan dan struktur lain dalam ayat baharu.
- Dalam proses penyusunan semula terjadi pertukaran, pengguguran, penggantian, atau penambahan kata atau frasa tertentu.
- Perubahan tersebut tidak mengakibatkan berlakunya perubahan makna ayat asal.
- Proses penyusunan semula terdiri daripada tiga jenis.



2.2.1 Penyusunan semula frasa nama sebagai subjek

- Penyusunan semula jenis ini proses menukar ayat yang asalnya ayat aktif transitif kepada ayat pasif.
- Transformasi yang berlaku ialah perubahan tempat dan fungsi kata, iaitu frasa nama yang asalnya objek dalam predikat ayat aktif transitif berubah menjadi subjek dalam ayat pasif.
- Transformasi struktur juga terjadi, iaitu imbuhan frasa kerja aktif dalam ayat aktif transitif berubah bentuk menjadi imbuhan pasif dalam ayat pasif, iaitu awalan *meN-* menjadi *di-*.
- Subjek asal dalam ayat aktif transitif dipindahkan ke bahagian belakang konstituen predikat sebagai keterangan dalam ayat pasif.

Ayat asal
Pak Husin membina <u>sebuah bangsal</u> .
Mereka mengemukakan <u>dua cadangan</u> .
Stesen televisyen itu menyiarkan <u>program dakwah</u> .



Penyusunan semula frasa nama sebagai subjek
<u>Sebuah bangsal</u> dibina oleh Pak Husin.
<u>Dua cadangan</u> dikemukakan oleh mereka.
<u>Program dakwah</u> disiarkan oleh stesen televisyen itu.

2.2.2 Penyusunan semula frasa nama objek

- Penyusunan semula frasa nama objek ialah proses menukar ayat aktif transitif dengan dua objek kepada ayat aktif transitif dengan satu objek.
- Dalam proses ini, objek sipi dalam ayat aktif transitif dengan dua objek dijadikan objek tunggal dan mengikuti frasa kerja aktif transitif, manakala objek tepat asal dikebelakangkan menjadi sebahagian daripada frasa sendi nama sebagai keterangan.
- Pada waktu yang sama, imbuhan frasa kerja transitif berubah struktur.

Ayat asal
Saya mengirimi <u>abahnya</u> <u>sepasang baju</u> .
Dalina membacakan <u>neneknya</u> <u>pesanan ringkas</u> .
Guru selalu mendoai <u>murid-muridnya</u> <u>kejayaan</u> .



Penyusunan semula frasa nama objek
Saya mengirimkan <u>sepasang baju</u> kepada <u>abahnya</u> .
Dalina membaca <u>pesanan ringkas</u> kepada <u>neneknya</u> .
Guru selalu mendoakan <u>kejayaan</u> untuk <u>murid-muridnya</u> .

2.2.3 Penyusunan semula melalui ayat songsang

- Penyusunan semula melalui ayat songsang ialah proses menukar kedudukan subjek dan predikat daripada susunan asal kepada susunan baharu.
- Dalam proses ini, konstituen predikat, sama ada seluruhnya atau sebahagiannya, dikedepankan untuk mendahului konstituen subjek.
- Perubahan itu tidak mengubah status subjek dan predikat asal.


Ayat asal
Kita patut sentiasa bekerjasama .
Mereka tidak datang juga meskipun sudah didenda .
Pelukis itu mempamerkan karyanya mulai hari ini .



Penyusunan semula melalui ayat songsang
Patut sentiasa bekerjasama kita.
Meskipun sudah didenda tidak datang juga mereka.
Mulai hari ini pelukis itu mempamerkan karya itu.

2.3 Proses Peluasan

- Proses peluasan ialah proses meluaskan ayat dengan cara menambahkan unsur baharu ke dalam binaan ayat untuk menambahkan maklumat.
- Peluasan boleh terjadi dalam subjek atau predikat ayat tunggal malahan dalam ayat majmuk juga.
- Peluasan dalam ayat tunggal membentuk ayat majmuk.
- Proses peluasan terdiri daripada empat jenis.



2.3.1 Peluasan frasa nama sebagai subjek

- Peluasan frasa nama subjek merupakan langkah meluaskan konstituen subjek melalui proses perelatifan (relativisasi).
- Peluasan melibatkan dua ayat tunggal yang mengalami relativisasi dan membentuk satu ayat majmuk pancangan relatif.
- Melalui perelatifan ini, satu klausa relatif dipancarkan ke dalam konstituen subjek dengan menggunakan kata hubung **yang**.
- Proses ini berlaku hanya apabila kedua-dua ayat yang terlibat menggunakan frasa nama yang sama.

Ayat asal
Pekerja itu bebal. Pekerja itu malas.
Kereta itu baru dibeli. Kereta itu berlanggar.
Mereka amat takut. Mereka diusik.

↓

Peluasan frasa nama subjek
Pekerja yang malas itu bebal.
Kereta yang berlanggar itu baru dibeli.
Mereka yang diusik amat takut.

2.3.2 Peluasan frasa predikat

- Peluasan frasa predikat meluaskan konstituen predikat melalui proses relativisasi selepas objek.
- Peluasan ini juga melibatkan dua ayat tunggal yang mengalami relativisasi yang membentuk satu ayat majmuk pancangan relatif.
- Dalam proses ini, klausa relatif dipancarkan ke dalam konstituen predikat dengan menggunakan kata hubung relatif **yang**.

- Proses ini berlaku dalam dua keadaan, iaitu kalau subjek bagi kedua-dua ayat adalah sama, dan kalau objek dalam ayat pertama sama dengan subjek ayat kedua.

Ayat asal	
Subjek ayat pertama dan kedua sama	Anaknya sungguh cerdik. Anaknya lahir di kampung.
	Kedua-duanya sekampung. Kedua-duanya berkhidmat di Melaka.
Objek ayat pertama sama dengan subjek ayat kedua	Kami makan nasi ayam . Nasi ayam dijual di restoran terkenal di situ.
	Dia menerima hadiah . Hadiah disampaikan oleh Pegawai Daerah Marang.



Peluasan frasa nama subjek	
Anak bongsunya yang lahir di kampung sungguh cerdik.	
Kedua-duanya yang berkhidmat di Melaka sekampung.	
Kami makan nasi ayam yang dijual di restoran terkenal di situ..	
Dia menerima hadiah yang disampaikan Pegawai Daerah Marang .	

2.3.3 Peluasan dengan kata hubung

- Peluasan dengan kata hubung ialah proses peluasan dalam konstituen predikat.
- Peluasan terjadi dengan cara menggabungkan dua atau lebih klausa dengan memancangkan kata hubung gabungan dan kata hubung keterangan.
- Kesan peluasan itu terbentuklah ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk keterangan.

Ayat asal	
Mak Wan makan dahulu. Anaknya makan juga.	
Budak itu mahu berehat. Bapanya tidak mengizinkannya.	
Kami pasti tiba awal. Halangan tidak kami alami.	
Mangsa banjir tidak dapat pulang. Kediaman belum disediakan.	



Peluasan dengan kata hubung (gabungan dan keterangan)	
Kata hubung gabungan	Mak Wan makan dahulu, kemudian anaknya makan juga. Budak itu mahu berehat tetapi bapanya tidak mengizinkannya.
Kata hubung keterangan	Kami pasti tiba awal andainya halangan tidak kami alami. Mangsa banjir tidak dapat pulang selagi kediaman belum disediakan.

2.3.4 Peluasan melalui proses komplementasi

- Peluasan melalui proses komplementasi ialah aktiviti meluaskan ayat dengan menggunakan klausa komplemen.

- Melalui proses ini, klausa komplemen dipancarkan ke dalam ayat berkenaan lalu membentuk ayat majmuk pancangan komplemen.
- Jika ayat majmuk komplemen itu ialah ayat aktif transitif, klausa komplemen itu berfungsi sebagai frasa nama yang menjadi objek dalam binaan ayat itu.

Ayat asal
Dia telah menjangka (sesuatu). Dia mahu disingkirkan.
Adik terus bertegas. Kawannya mengambil pen itu.
Kami dimaklumkan (sesuatu). Berita kemalangan itu palsu.



Peluasan melalui proses komplementasi
Dia telah menjangka bahawa dia mahu disingkirkan.
Adik terus bertegas bahawa kawannya mengambil pen itu.
Kami dimaklumkan bahawa berita kemalangan itu palsu.

- Peluasan secara komplementasi boleh juga tidak menggunakan kata hubung **bahawa** apabila subjek ayatnya serupa dan boleh digugurkan pada klausa komplemen, menghasilkan ayat yang mengalami transformasi berturutan (dua kata kerja berderetan) dalam predikat.

Ayat asal
Adik duduk . Adik mencangkung .
Kesemuanya baru bergerak . Kesemuanya mendaki bukit .



Peluasan melalui proses komplementasi tanpa kata komplemen
Adik duduk mencangkung .
Kesemuanya baru bergerak mendaki bukit .